

**BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK, PUSAT KEMAHIRAN
KOMUNIKASI DAN KEUSAHAWANAN (PKKK)**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 21 Febuari 2011

di Swiss-Inn, Sungai Petani.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Terima kasih Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia barisan EXCO UniMAP,

Yang Berbahagia Profesor Ir Rezuwan Kamarudin, Dekan
Pengurusan Akademik UniMAP

Yang Berusaha Profesor Madya Dr Salleh Abdul Rashid , Dekan
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK),

Yang dihormati Dekan-dekan dan Ketua Jabatan,
Seterusnya para peserta bengkel sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Bengkel Perancangan Strategik, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan. Marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua kesulitan dan kekurangan.

Hadirin sekalian,

Seperti mana yang kita sedia maklum, bengkel perancangan strategik sangat penting dalam sesebuah organisasi kerana dalam bengkel inilah kita membincangkan perancangan masa hadapan dan menentukan halatuju selaras dengan kehendak UniMAP.

Tidak terkecuali dengan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK). Umum mengetahui bahawa PKKK berfungsi sebagai Pusat Khidmat (*Service Centre*) yang bertanggungjawab untuk menguruskan kursus-kursus wajib universiti pada masa ini.

Sebagaimana UniMAP yang mempunyai Perancangan Strategik dan Hala Tuju 2011-2015, begitu jugalah harapan saya dalam melihat kejayaan PKKK selepas berdiri sendiri dengan tertubuhkan pusat pengajian yang baru di UniMAP iaitu Pusat Pengajian Inovasi dan Teknousahawan (PPIPT).

Teras dan dasar telah saya nyatakan dengan begitu mendalam pada Ucaptama tahunan Khamis lalu – Illuminating International Visibility atau Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah harus menjadi teras dalam merangka hala tuju PKKK.

Saya difahamkan bahawa selain daripada membincangkan falsafah dan halatuju PKKK, bengkel ini juga bertujuan menstrukturkan semula pusat ini. PKKK juga akan menyemak semula kursus-kursus yang ditawarkan dan tenaga pengajar kursus sama ada milik PKKK atau PPIPT.

Hal ini penting supaya kursus yang ditawarkan itu dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan. Dengan tertubuhnya PPIPT juga, nama Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan sudah tidak relevan.

PKKK hendaklah memikirkan nama baru yang bersesuaian sebagai pusat khidmat bagi kursus-kursus wajib universiti. Bagi universiti lain, terdapat beberapa nama yang digunapakai. Misalnya Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (Universiti Teknikal Malaysia Melaka), Fakulti Sains Sosial dan

Kemanusiaan (Universiti Kebangsaan Malaysia), Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (Universiti Malaysia Pahang) dan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (Universiti Malaysia Kelantan). Selepas ini, pusat ini akan menggunakan nama baru yang akan menggantikan PKKK.

Hadirin sekalian,

Saya ingin mengulangi sedikit ucapan yang terkandung dalam ucapatama baru-baru ini :

Fahamilah dan sedarlah bahawa untuk menjadikan UniMAP menyerlah di persada antarabangsa; untuk menjadikan keterlihatan antarabangsa UniMAP menyerlah, UniMAP menuntut agar kita segera memberikan komitmen untuk berubah ke arah yang positif atau lebih positif. Inilah semangat yang terkandung dalam *tagline* teras strategik Pelan Strategik UniMAP 2011-2015 iaitu **I positively C·H·A·N·G·E** dengan maksud:

I = ILLUMINATING

C = CONDUCTIVE ECOSYSTEM

H = HIGH-IMPACT RESEARCH

A = ACADEMICALLY EMINENT

N = NOTABLE WEALTH CREATION

G = GLORIOUS GOVERNANCE

E = EXCEPTIONALLY TALENTED GRADUATES

Saya amat berharap agar PKKK bengkel yang diadakan ini untuk menambahbaik pemikiran yang diluahkan. Berbincanglah dengan jujur, ikhlas dan hati serata fikiran yang terbuka. Lontarkanlah sebanyak mungkin idea, cadangan dan pandangan berasaskan data, maklumat, dan fakta; kemukakanlah sebanyak mungkin idea dan cadangan yang kreatif dan inovatif mengikut gerak rasa supaya idea dan cadangan itu dapat dijadikan inisiatif dalam usaha kita mencapai sasaran dan hasil strategik yang dipersetujui bersama.

Sebagai panduan semasa berwacana, saya mengesyorkan agar semua yang terlibat mengamalkan kaedah berfikir yang disyorkan oleh Edward de Bono dalam bukunya *Six Thinking Hats*. Beliau mengaitkan warna dengan teknik berfikir tertentu. Inilah makna warna pada huruf **I positively C·H·A·N·G·E** itu:

- I* berwarna **biru tua** yang bermaksud lambang kemahiran.
- C* berwarna **kuning** yang bermaksud berfikir secara positif tentang harapan dan manfaat sesuatu idea.
- H* berwarna **merah** yang bermaksud berfikir dengan menggunakan gerak hati atau intuisi.
- A* berwarna **putih** yang bermaksud berfikir berasaskan data dan maklumat.
- N* berwarna **hitam** yang bermaksud berfikir secara kritis untuk mencari kebenaran dan realiti.
- G* berwarna **hijau** yang bermaksud berfikir secara kreatif.

E berwarna **biru muda** yang bermaksud mengawal dan memantau proses berfikir supaya semua teknik berfikir digunakan secara menyeluruh.

Akhir kata, saya amat berharap semua staf akademik dan sokongan, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan memberi komitmen yang tinggi dalam bengkel ini supaya ia tidak berakhir di sini bahkan apabila kita kembali bertugas nanti kita akan dapat mengaplikasikannya bagi mencapai objektif, visi, misi UniMAP. Semoga dengan kesempurnaan bengkel yang dijalankan ini dapat membantu PKKK dalam menentukan halatujunya kelak.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Bengkel Perancangan Strategik, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan bagi tahun 2011. Saya amat yakin PKKK dapat membantu meningkatkan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran insaniah dan kemahiran komunikasi dengan lebih proaktif di UniMAP.

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.